

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

“

Saya amat berbesar hati dapat mengemukakan Laporan Tahunan 2023 Yayasan Johor Corporation (Yayasan JCorp) sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan yang baharu serta Head of the Group Sustainability bagi Johor Corporation (JCorp).

Tahun 2023 merupakan tahun yang produktif dalam merealisasi objektif kami bagi memupuk masa depan yang makmur, mampan serta cemerlang untuk komuniti kami dan pada masa yang sama memainkan peranan kami untuk alam sekitar. Ia juga merupakan tahun yang penting, kerana kami telah mengukir peranan tersendiri sebagai pengintegrasikan sistem di antara JCorp dan Syarikat Kumpulannya serta semua pihak luar yang bergerak sejajar dengan matlamat yang kami perjuangkan.

Kami terus mengundang penglibatan komuniti untuk memacu pertumbuhan yang mampan melalui empat bidang fokus, iaitu Pendidikan; Seni, Budaya dan Warisan; Alam Sekitar serta Kesejahteraan Komuniti. Di samping ia adalah selaras dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, kami turut menyedari bahawa satu-satunya cara untuk melaksanakan perubahan positif adalah melalui impak yang boleh diukur serta ketara.

”

ZAIDATUL ZURITA ABDUL RAHMAN

Ketua Pegawai Eksekutif



**IMBAS UNTUK
MENONTON
VIDEO CEO**



PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



RM6.6 juta

untuk membiayai pelbagai program CSR, yang mengundang penglibatan komuniti dan pihak berkepentingan

PERBELANJAAN PADA 2023

Pada 2023, Yayasan JCorp telah menyumbang sejumlah RM6.6 juta untuk membiayai pelbagai program CSR melibatkan komuniti dan pihak berkepentingan. Sumbangan ini telah dibiayai oleh JCorp serta Syarikat Kumpulannya, di samping sumbangan daripada luar. Selain itu, sepanjang tahun 2023, Yayasan turut menerima sumbangan dalam bentuk barang merangkumi buku, komputer, anak benih dan sumbangan tenaga serta masa sebagai sukarelawan daripada rakan strategik kami.

MENINJAU MASA DEPAN DENGAN PENUH HARAPAN

Sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan JCorp yang baharu, saya akan terus memperkuuh legasi yang ditinggalkan oleh mereka yang terdahulu daripada saya. Aspirasi saya dalam menerajui Yayasan ini adalah untuk melangkah melangkaui Johor dengan membawa skop kami ke peringkat nasional dan global.

Masa depan Yayasan terletak pada usaha menzahirkan impak yang lebih hebat untuk para pemegang taruh kami. Bersandarkan hala tuju ini, Yayasan JCorp telah memulakan Perancangan Strategik 2024-2028 merangkumi lima strategi utama. Strategi ini bermatlamat menjana pertumbuhan Yayasan secara mampu dan membantu membina jenamanya yang tersendiri agar kami dikenali kerana sokongan kami terhadap ESG, kerjasama, kemahiran digital serta inovasi.

Justeru, kami percaya bahawa menyepadukan pendigitalan ke dalam proses kami akan memudahkan proses pembiayaan dan meluaskan jangkauan kami kepada mereka yang berpotensi menjadi rakan serta komuniti kami. Ia juga membolehkan program kami dilaksanakan dengan lebih cekap di samping berupaya memberi impak. Ini akan membawa kepada perangkaan strategi yang lebih baik agar kami benar-benar dapat melakukan perubahan dalam kehidupan orang ramai.



PENGHARGAAN

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada JCorp dan Syarikat Kumpulan kerana membantu merealisasikan inisiatif kami. Rasa syukur ini turut ditujukan kepada rakan-rakan yang telah bekerjasama dengan kami sepanjang tahun ini, termasuk pihak berkuasa dan pengawal selia, yayasan, sukarelawan dan pengamal media. Akhir kata, saya ingin berterima kasih kepada pasukan yang berdiri teguh di belakang Yayasan JCorp, kerana terus meyakini serta memegang iltizam yang teguh terhadap nilai dan tindakan kami tanpa mengenal jemu. Sambil kita melangkah memasuki satu lagi tahun yang bakal diwarnai oleh inisiatif dan kerjasama yang bermakna, marilah kita menghayati visi yang dikongsi bersama, iaitu menzahirkan impak yang berkekalan terhadap masyarakat dan memastikan dapat mewariskan suatu perubahan positif untuk generasi akan datang.